

**SOALAN NO. 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK  
MENG [ SIMPANG RENGGAM ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini persempadanan semula kawasan pilihan raya. Bilakah perkara tersebut akan dibincang dan dimuktamadkan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan persiapan awal untuk memulakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah. Persiapan tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan Kajian Semula Persempadanan sebelum syor persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Syor Kajian Semula Persempadanan ini akan dimuktamadkandan dibincangkan setelah Laporan Akhir Kajian Semula Persempadanan diserahkan kepada Perdana Menteri dan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat untuk mendapat sokongan tidak kurang daripada setengah Ahli Dewan tersebut, selaras dengan Seksyen 9 dan 10 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.